

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

1,029 kes sembuh tertinggi

Jangkitan baharu kekal 4 angka lima hari berturut-turut

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan sebanyak 1,029 bilangan kes sembuh COVID-19 semalam, iaitu paling tinggi pernah direkodkan setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya ialah 27,409 kes atau 69.6 peratus daripada angka keseluruhan kes.

"Pecahan kes sembuh mengikut negeri adalah Sabah dengan 780 kes; Wilayah Persekutuan Labuan (83 kes); Negeri Sembilan (50 kes); Selangor (41 kes) dan Pulau Pinang (30 kes).

"Sebanyak 10 kes sembuh direkodkan di Perak dan Sabah, manakala enam kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor serta Terengganu.

"Sarawak lima kes sembuh dan Pahang (dua kes)," katanya pada sidang media harian, di sini semalam.

Beliau berkata, jumlah kes positif COVID-19 terus mencatatkan empat angka bagi lima hari berturut-turut apabila 1,168 kes baharu direkodkan semalam.

Katanya, ia menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak 39,357 kes setakat jam 12 tengah hari semalam.

"Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 11,666 kes. Tiada kes import mendapat jangkitan dari luar negara.

"Sabah mencatatkan 616 kes atau 52.7 peratus daripada keseluruhan kes positif semalam.

"Negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 275 kes atau 23.5 peratus dan Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan 104 kes positif (8.9 peratus) semalam," katanya.

Beliau berkata, Sabah, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menyumbang sebanyak 995 kes (85.2 peratus) daripada keseluruhan kes positif



Dr Noor Hisham Abdullah

COVID-19, semalam.

Sehingga kini, terdapat 87 kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 32 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiga kes kematian akibat COVID-19 turut dilaporkan semalam dengan semua dari Sabah menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 282 kes atau 0.7 peratus daripada keseluruhan kes.

"Semua tiga kematian itu dilaporkan di Hospital Queen Elizabeth dengan kes kematian ke 280 hingga 282 membabitkan wanita berusia 51 tahun dan 62 tahun serta lelaki berusia 55 tahun," katanya.

Dr Noor Hisham berkata,

empat kluster baharu dilaporkan semalam, di lima negeri membabitkan Sabah, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Sarawak.

ia adalah Kluster Softwood LD, Kluster Teratai, Kluster Tapak Bina Damanlela dan Kluster Mahkota.

Kluster Softwood LD membabitkan daerah Lahad Datu di Sabah dengan 14 kes sudah dikesan positif COVID-19 termasuk 11 kes baharu.

Kluster Teratai membabitkan daerah Klang, Kuala Selangor, Petaling dan Hulu Langat di Selangor dengan 74 kes positif setakat ini dengan 58 kes baharu.

"Kluster Tapak Bina Damanlela pula membabitkan daerah Lembah Pantai, Kepong, dan Titiwangsa, Kuala Lumpur dengan 15 kes dikesan positif COVID-19 (13 kes baharu).

"Kluster Mahkota membabitkan daerah Hulu Langat di Selangor; Kepong dan Titiwangsa di Kuala Lumpur; Sibit di Sarawak; dan Putrajaya dengan sembilan kes dikesan positif setakat ini termasuk satu kes baharu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Bah Puchong membabitkan kes di Kuala Lumpur, Selangor dan Perak diisytihar tamat semalam.



BH TV

Kerajaan buat tempahan awal vaksin

Seremban: Kerajaan akan membuat tempahan awal vaksin COVID-19 menerusi peruntukan RM3 billion yang diumumkan dalam Belanjawan 2021, semalam.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata vaksin berkenaan yang

dibangunkan di luar negara dijangka diperolehi pada tiga bulan pertama tahun depan.

Katanya, vaksin itu perlu diluluskan oleh Kementerian Kesihatan sebelum tempahan dilakukan.

"Saya ialah Pengerusi

Bersama Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin COVID-19 dan kita akan buat tempahan awal terhadap vaksin yang sedang dibangunkan.

"Saya jangka dalam tempoh sebulan dua ini, kita akan dapat maklumat mengenai

keberkesanan vaksin berkenaan.

"Apabila Kementerian Kesihatan berpuas hati dengan data dan maklumat itu, barulah kita boleh buat pembelian pertama," katanya selepas melawat lokasi terjejas banjir di Kampung Kuala Sawah Rantau, dekat sini, semalam.



BH TV

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

Pertingkatkan kesedaran kesan awal kanser mulut

Kaedah saringan bantu tingkat kadar survival melalui rawatan

Kuala Lumpur: Kesedaran mengenai pentingnya pemeriksaan dan pengesanan awal kanser mulut perlu ditingkatkan susulan 60 peratus kes kanser ini di Malaysia lewat dikesan, iaitu pada tahap tiga dan empat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata berdasarkan kajian dilakukan dalam kalangan pesakit kanser mulut di negara ini mendapati kadar kelangsungan hidup lima tahun hanya 30 peratus bagi pesakit yang

lewat didiagnos berbanding 64 peratus disaring pada peringkat awal.

Katanya, kualiti hidup pesakit juga terjejas kerana penyakit ini memberi kesan fizikal dan psikososial yang teruk kepada pesakit serta penjaga mereka.

"Walaupun kanser mulut tidak tersenarai dalam *Top 10 Most Common Cancer in Malaysia*, menurut data National Cancer Registry 2012-2016, kanser ini dilaporkan sebagai kanser keenam



Dr Adham pada majlis sambutan Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2020 di Putrajaya, semalam.

berlaku dalam kalangan rakyat dan seseorang boleh mencegahnya sebelum parah.

"Kajian itu menunjukkan pengesanan awal kanser melalui kaedah saringan mampu meningkatkan kadar survival supaya rawatan dapat diberikan pada peringkat awal.

"Kanser mulut boleh dicegah, mudah dikesan dan boleh dirawat jika dikesan tahap awal," katanya

ketika berucap merasmikan Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2020 secara maya, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Dr Mohd Hamdi Abdul Shukor.

Dalam pada itu, beliau berkata, secara purata terdapat dua kes kanser mulut didiagnos setiap hari.

Justeru, Dr Adham menyeru masyarakat prihatin dan menga-

mbil cakna kanser mulut dengan mendapatkan saringan awal serta mengelak faktor risiko menyumbang kepada penyakit berkenaan.

Katanya, usaha dan inisiatif untuk membantu serta menyokong pesakit yang melawan kanser itu harus dipertingkatkan agar mereka serta keluarga dapat menikmati kehidupan lebih sejahtera.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : JAGA SUNGAI KITA

Program Jom Nak Sihat di Bagan Serai capai sasaran

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa menyeru dan menasihatkan masyarakat, mengamalkan cara hidup sihat kerana individu sihat berperanan efektif dalam pembangunan masyarakat serta negara.

Seiring dengan saranan itu, Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM dengan kerjasama Pejabat Parlimen Bagan Serai, Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak menganjurkan Program Jom Nak Sihat yang julung kali dilaksanakan di Bagan Serai.

Intervensi pengurusan berat badan menggunakan modul IFITeR atau I Fit and Eat Right dilaksanakan di semua Wellness Hub di seluruh Malaysia yang beroperasi di bawah KKM.

Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan, Suraiya Syed Mohamed, berkata program bukan hanya menekankan masalah berlebihan berat badan, malah menekankan amalan cara hidup sihat sepanjang hayat.

"Menerusi program ini, agen dalam komuniti diwujudkan untuk mempromosikan amalan cara hidup sihat dalam kalangan masyarakat," katanya.

Intervensi program ini diadakan selama enam bulan dan disertai 105 peserta daripada pelbagai bangsa, umur dan jantina.

"Peserta dibahagikan kepada tiga zon berdasarkan tempat tinggal mereka, iaitu zon Bagan Serai 1,



Suraiya Syed Mohamed

zonal Bagan Serai 2 dan zon Semangol," katanya.

Beliau berkata, pasukan IFITeR melaksanakan intervensi ini berpandukan modul merangkumi tujuh komponen iaitu garis panduan pelaksanaan, saringan kesihatan dan ujian kecergasan, modifikasi tingkah laku, pelan latihan senaman, pelan pemakanan, Mylogbook serta Mytools.

Katanya, walaupun pandemik COVID-19 mengganggu perjalanan program secara bersemuka, peserta masih menunjukkan pencapaian memberangsangkan.

"Sebanyak 93 peratus daripada peserta kekal dalam intervensi dan menunjukkan pembabitian aktif sepanjang intervensi, manakala 60 peratus peserta kekal hingga ke akhir intervensi serta dapat meningkatkan tahap kecergasan," katanya.

Selain itu, 55 peratus berjaya menurunkan sebanyak sepuluh peratus berat badan dan penurunan paling tinggi dicatatkan



Dr Noor Azmi (tengah) bersama pemenang Program Jom Nak Sihat di Bagan Serai, baru-baru ini.

adalah 14 peratus bersamaan 17.70 kilogram (kg) daripada berat badan asal peserta itu.

Sementara itu, Dr Noor Azmi berkata, keputusan intervensi dan pencapaian peserta Jom Nak Sihat menunjukkan, kejayaan program ini mencapai objektif disasarkan.

"Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019, di Malaysia, satu daripada dua dewasa adalah berlebihan berat badan atau obes, manakala satu daripada empat dewasa adalah tidak aktif melakukan aktiviti fizikal, iaitu sekurang-kurangnya 150 minit dalam seminggu.

Antara peserta berjaya ialah Anandarajan A/L Subramaniam, 47, yang menyertai program ini bagi menurunkan berat badannya iaitu 101.4kg dan indeks jisim tubuh (BMI) 32.7, dikategorikan sebagai obesiti tahap satu.

Beliau yang bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Selingsing, Perak, menyertai program ini selepas berjaya melepasi ujian saringan kesihatan.

"Berat badan berlebihan, membuatkan saya sukar melakukan aktiviti harian dan juga boleh terdedah kepada risiko penyakit metabolik seperti sakit jantung, darah tinggi serta kencing manis.

"Saya bertekad untuk mengelakkan sebarang risiko penyakit dengan menyertai program ini," katanya yang menghadiri sesi latihan pada setiap hari.

Walaupun sesi latihan agak berat untuk dirinya, Anand tetap menunjukkan komitmen dan semangat tinggi serta melakukan setiap jenis latihan dengan teknik yang betul.

Katanya, selepas tiga bulan mengikuti program itu berat badannya berjaya diturunkan sebanyak 9.5kg dan berat terkini ialah 91.9kg, manakala BMI menurun kepada 29.7 yang dikategorikan hanya sebagai berlebihan berat badan.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

Jumlah kes harian 1,168 dicatatkan semalam dengan tiga kematian 1,025 sembuh, tertinggi direkodkan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Sebanyak 1,025 kes sembuh dilaporkan semalam sekali gus angka tertinggi sejak pandemik Covid-19 melanda negara menjadikan jumlah kes pulih sepenuhnya daripada wabak tersebut sebanyak 27,409 kes.

Jumlah kes harian pula masih pada paras empat digit dengan 1,168 kes dilaporkan membabitkan penularan tempatan menjadikan jumlah kes positif sebanyak 39,357 kes.

Angka kematian turut meningkat kepada 282 kes berikutan terdapat tiga pertambahan kes semalam di Hospital Queen Elizabeth, Sabah melibatkan dua wanita dan seorang lelaki berusia 51, 55 dan 62 tahun.

Sebanyak 616 kes atau 52.7 peratus dicatatkan di Sabah manakala, sebanyak 275 kes atau 23.5 peratus melibatkan negeri-negeri di Lembah Klang dan Labuan pula merekodkan 104 kes atau 8.9 peratus.

Kluster penjara dan Pusat Tahanan Sementara (PTS) menyumbang 229 kes atau 19.6 peratus iaitu Kluster PTS Tawau (121 kes), Kluster Penjara Sandakan (91 kes), Kluster Penjara Keparan (lapan kes), Kluster Tembok (enam kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (tiga kes).



ANGGOTA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan kerja-kerja sanitasi di sekitar Kawasan Komersial Taman Shamelin, Taman Pudu Ulu dalam Operasi Sanitasi Awam Covid-19 di Kuala Lumpur semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat empat kluster baharu dan satu daripadanya Kluster Softwood LD di Lahad Datu, Sabah yang merekodkan 14 kes dengan kes indeks saringan bergejala lelaki berusia 28 tahun.

Menurutnya, Kluster Teratai melibatkan daerah Klang, Kuala Selangor, Petaling dan Hulu Langat melaporkan 74 kes positif dengan kes indeks lelaki berusia 22 tahun.

"Kluster Tapak Bina Damanlela di Lembah Pantai, Kepong dan Titiwangsa dengan kes in-

deks lelaki berusia 43 tahun hasil saringan tahanan.

"Bagi Kluster Mahkota melibatkan Hulu Langat, Selangor; Kepong dan Titiwangsa, Kuala Lumpur; Sibul, Sarawak dan Putrajaya iaitu sembilan kes positif dengan kes indeks hasil saringan kontak rapat telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, satu lagi kluster ditamatkan semalam iaitu Kluster Bah Puchong menjadikan sebanyak 123 kluster ditamatkan sehingga kini.

Ditanya sama ada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Semenanjung Malaysia kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan berikutan kegagalan PKPB di Lembah Klang, beliau menafikan perkara tersebut.

"Saya tidak melihat ia suatu kegagalan kerana jika dilihat dari permulaan gelombang ketiga, kebolehhajngkitan kita adalah 2.2 tetapi dalam tempoh dua minggu, ia boleh dikurangkan sehingga kepada 1.

"Semalam (kelmarin) ada lonjakan kes, malah kita ada lonjakan pada 24 dan 26 Oktober kerana kita menjalankan saringan di penjara iaitu di PTS Tawau dan penjara di Sandakan serta Seberang Perai," ujarnya.

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	1,168
Import: 0 Tempat: 1,168	
• Pulih	10,259
• Kematian	3
• Masih dirawat	11,666
• Jumlah kes sembuh	27,409
• Jumlah Kematian	282
Jumlah kes keseluruhan	39,357

Vaksin Covid-19 generasi pertama tidak sesuai untuk kanak-kanak

PETALING JAYA – Vaksin Covid-19 generasi pertama yang bakal dikeluarkan oleh syarikat farmasi tidak sesuai penggunaannya untuk golongan kanak-kanak.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ia disebabkan vaksin yang sedang dibangunkan ketika ini sebahagian besarnya diuji ke atas golongan dewasa.

"Pfizer (syarikat gergasi farmasi Amerika Syarikat) baru memulakan ujian ke atas kanak-kanak bulan lepas. Oleh itu jangan terlalu berharap kanak-kanak boleh menggunakan vaksin Covid-19," katanya menerusi Twitter miliknya semalam.

Terdahulu, Khairy Jamaluddin berkata, beberapa syarikat yang sedang membangunkan

vaksin Covid-19 di seluruh dunia telah memasuki ujian klinik fasa ketiga.

Menurutnya, ia melibatkan ujian ke atas manusia yang kebiasaannya mengambil masa beberapa tahun, tetapi untuk Covid-19 ia dilakukan dalam tempoh setahun disebabkan keperluan yang mendesak.

Selain itu, katanya, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 yang dipengerusikan beliau akan mengumumkan rancangan imunisasi nasional untuk vaksinasi wabak itu awal tahun depan.

Jelasnya, ia termasuk komunikasi yang jelas tentang keselamatan dan keberkesanan vaksin itu memandangkan sebilangan rakyat antivaksin.

"Jabatan Kemajuan Islam



WAKSIN Covid-19 generasi pertama yang dibangunkan ketika ini sebahagian besarnya diuji ke atas golongan dewasa. – GAMBAR HIASAN

Malaysia (Jakim) juga akan turut serta kerana sebilangan antivaksin akan membangkitkan tentang perkara halal untuk menyekat orang ramai mengambil


vaksin.

"Kita akan memastikan Jakim berpuas hati vaksin yang kita dapat adalah halal toyyiban," katanya.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 36

RUANGAN : DUNIA



UMAT Islam mengerjakan solat sambil mematuhi penjarakan fizikal di Mekah pada 1 November lalu. - AFP

Tiga jemaah umrah Indonesia disahkan positif Covid-19

Berita Seberang

JAKARTA - Tiga jemaah umrah Indonesia disahkan positif Covid-19 selepas menjalani ujian swab di sebuah hotel di Mekah, menurut Persatuan Pengurusan Haji dan Umrah Indonesia (Amphuri).

"Keputusan ujian sarangan Covid-19 jemaah lain ialah negatif kecuali mereka bertiga itu," lapor portal Kompas yang memetik Ketua Bahagian Umrah Amphuri, Zaky Anshary sebagai berkata pada Khamis lalu.

Jemaah positif virus itu sudah diarahkan menjalani proses kuarantin selama tujuh hari selari dengan polisi Kementerian

Kesihatan Arab Saudi bagi jemaah yang dijangkiti wabak koronavirus.

Jemaah Indonesia lain yang memperoleh keputusan negatif ujian swab dibenarkan untuk meneruskan umrah.

Laporan dari Amphuri mendapati seramai 224 jemaah umrah dari Indonesia berlepas ke Mekah dan berniat melakukan umrah atau miqat pada Rabu lalu.

Kesemua jemaah sudah menjalani ujian swab koronavirus sehari sebelum berlepas, dilakukan oleh pegawai kesihatan di hotel sekitar pukul 6 petang (waktu tempatan).

Menurut Zaky, semua peserta program umrah Indonesia diwajibkan untuk mengisi borang

akuan kesihatan.

Pada minggu lalu, kerajaan Arab Saudi mengumumkan pembukaan semula Kota Mekah bermula 1 November 2020 bagi umat Islam untuk menunaikan umrah.

Riyadh melonggarkan perintah berkurung selepas menutup sempadan dan ketibaan jemaah asing sejak Mac lalu disebabkan wabak koronavirus.

Berikutan keputusan Arab Saudi, ratusan jemaah Indonesia berlepas untuk menunaikan umrah sejak Ahad minggu lalu.

Zaky berkata, kerajaan Arab Saudi hanya membenarkan jemaah dari Indonesia dan Pakistan memasuki negara itu buat sementara waktu. - AGENSI

AS catat 127,000 kes Covid-19 sehari

WASHINGTON - Amerika Syarikat (AS) mencatat kes harian jangkitan Covid-19 tertinggi dalam tempoh tiga hari berturut-turut iaitu melepasi angka 127,000 kes kelmarin, menurut perangkaan Universiti Johns Hopkins.

Jumlah kematian sehingga pukul 8.30 malam (waktu tempatan) kelmarin, iaitu dalam tempoh 24 jam lalu, adalah sebanyak 1,149 kes, menurut universiti berkenaan.

Penularan virus merebak pantas di seluruh AS sejak beberapa minggu lalu dengan lokasi paling teruk terjejas ialah di wilayah tengah negara berkenaan.

Ada kes baharu direkodkan yang hampir menyamai jumlah semasa musim bunga pada Mac lalu di negeri selatan, timur laut dan barat di AS.

Jumlah kematian masih direkodkan rendah berbanding pada musim bunga lalu.


Kelmarin adalah hari keempat secara berturut-turut kadar mangsa AS terkorban mencecah lebih 1,000 orang.

Bulan September merupakan kali terakhir AS menyaksikan kematian akibat koronavirus mencecah angka empat digit.

Petang kelmarin, AS kekal sebagai negara paling teruk terjejas di dunia akibat pandemik koronavirus dengan lebih 236,000 kematian dan 9.7 juta kes jangkitan.

Kes Covid-19 dijangka terus meningkat berikutan musim sejuk yang akan tiba tidak lama lagi. Ini disebabkan orang ramai akan lebih cenderung bersosial di dalam rumah sekali gus menggalakkan penyebaran virus dalam ruang tertutup.

Cuaca sejuk dan kering turut dipercayai memainkan peranan dalam mewujudkan keadaan terbaik bagi penyebaran virus korona. - AFP



STAF perubatan merawat pesakit Covid-19 di Unit Rawatan Rapi, Pusat Perubatan United Memorial pada 31 Oktober lalu. - AFP

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Covid-19: Kes sembuh tertinggi

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Negara masih lagi merekodkan kes positif empat angka bagi hari kelima berturut-turut untuk minggu ini iaitu 1,168 kes dengan tiga kematian selain pertambahan empat kluster baharu.

Bagaimanapun kes sembuh mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 1,029 kes menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 27,409 kes.

Selain itu, 87 kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 32 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kes positif di negara ini sebanyak 39,357 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajngkitan pula 11,666 kes.

Beliau berkata, Sabah masih merekodkan negeri tertinggi kes dengan mencatatkan sebanyak 616 kes daripada keseluruhan kes positif.

“Diikuti Selangor yang merekodkan 247 kes, Labuan (104), Negeri Sembilan (68), Perak (37), Kuala Lumpur (28), Sarawak (25), Pulau Pinang (18), Kedah (15), Johor (5), Terengganu (3) dan Melaka (2).

Mengulas mengenai empat kluster baharu, Noor Hisham



PENIAGA kedai tudung duduk berehat sementara menunggu pelanggan ketika premis perniagaan dibuka semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur semalam. - MINGGUAN/AMIR KHALID

berkata, ini membabitkan kes di Sabah, Selangor, Kuala Lumpur, Sarawak dan Putrajaya.

Katanya, Kluster Softwood LD di Lahad Datu, Sabah merekodkan 14 kes positif dan Klus-

ter Teratai di Klang, Selangor, 74 kes.

“Bagi kluster ketiga iaitu Kluster Tapak Bina Damanlela di Lembah Pantai, Kepong, Titiwangsa di Kuala Lumpur, seba-

nyak 15 kes positif dikesan.

“Kluster keempat, Kluster Mahkota di Hulu Langat, Selangor; Kepong dan Titiwangsa, Kuala Lumpur; Sibul, Sarawak dan Putrajaya membabitkan

sembilan kes positif,” katanya. Sementara itu beliau berkata, Kluster Bah Puchong yang membabitkan Kuala Lumpur, Selangor dan Perak diisytiharkan tamat.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kerajaan perlu ambil pendekatan lebih tegas

Berikutan situasi semasa kes baharu Covid-19 di seluruh negara yang dalam trend meningkat

Oleh MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

SHAH ALAM

Beberapa pendekatan yang lebih tegas perlu diambil berikutan situasi kes baharu jangkitan koronavirus (Covid-19) di seluruh negara yang masih dalam trend meningkat.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) semalam mengambil keputusan sedemikian sebagai tindakan memperketatkan lagi prosedur operasi standard (SOP) serta mem-

bendung penularan Covid-19 di negara ini.

Menurutnya, hakikatnya peningkatan bilangan kes baharu mpendatangkan kebimbangan dan keresahan dalam kalangan rakyat serta tidak boleh lagi terus kekal di dalam situasi Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Data-data yang dibentangkan pada setiap hari dalam sidang khas ini sudah cukup untuk menunjukkan bahawa pendekatan yang lebih tegas dan berani mesti diambil sebelum keadaan menjadi lebih parah," katanya dalam hantaran di Facebook beliau di sini semalam.

Beliau berkata demikian berhubung tindakan kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di semua negeri di seluruh negara kecuali di Perlis, Ke-



MUHYIDDIN

lantan, Pahang dan Sarawak.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, kerajaan Sarawak membuat permohonan untuk menambah bilangan katil di unit rawatan rapi (ICU) dan meningkatkan kapasiti makmal ujian saringan pengesanan Covid-19 di tujuh hospital kerajaan di negeri itu.

Katanya, beliau telah meminta kerajaan Sarawak mengadakan perbincangan lanjut bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi meneliti keperluan tersebut untuk diberikan pertimbangan sewajarnya.

"Insya-ALLAH semoga pendekatan-pendekatan yang diputuskan ini akan dapat membantu menurunkan kes-kes baharu jangkitan Covid-19 kepada tahap yang paling rendah bagi menjamin keselamatan dan kelangsungan hidup rakyat," katanya.

PKPB di Kuching selama 14 hari

KUCHING - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan dilaksanakan di Kuching, Sarawak selama 14 hari bermula 9 November ini, kata Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas di sini semalam.

Uggah yang juga Timbalan



UGGAH

Ketua Menteri I Sarawak berkata, keputusan itu diambil selepas menilai situasi dengan mengambil kira kes jangkitan tempatan terkumpul yang direkodkan di daerah tersebut iaitu sebanyak 151 kes dalam tempoh 14 hari lepas.

"Pergerakan rentas daerah dalam negeri dibenarkan kecuali keluar dan masuk ke daerah Kuching. Prosedur operasi standard (SOP) akan dikeluarkan esok (hari ini).

"Pergerakan rentas negeri dari Semenanjung, Sabah dan Labuan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya pada sidang akhbar harian Covid-19 di sini semalam.

- Bernama

Sangkal tanggapan PKPB gagal kawal Covid-19

PUTRAJAYA - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menyangkal dakwaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) gagal mengengkang penularan Covid-19.

Katanya, kaedah itu berjaya menurunkan kadar nilai kebolehhajkitan (Rt) atau R-naught (R0) daripada 2.2 pada permulaan gelombang ketiga Covid-19 kepada 1 ketika ini.

"Kalau kita lihat daripada permulaan gelombang ketiga dan dalam tempoh dua minggu (PKPB dilaksanakan), langkah itu berjaya kurangkan kadar kebolehhajkitan," katanya pada sidang akhbar di Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Katanya, kaedah PKPB ketika ini bagi mengimbangi sektor kesihatan dan ekonomi, namun pada masa sama kerajaan perlu memperketatkan lagi sektor sosial termasuk kawalan rentas sempadan negeri dan daerah. - Bernama

Pemimpin negeri minta rakyat terus patuhi SOP

ALOR SETAR - Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor merayu rakyat negeri itu supaya terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi menangani pandemik koronavirus (Covid-19).

Selain itu, beliau turut mengingatkan rakyat negeri itu supaya mengelakkan diri daripada berada di tempat-tempat berisiko sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasakan selama empat minggu bermula esok sehingga 6 Disember depan.

"Kerajaan Kedah ambil maklum langkah pelaksanaan PKPB sebagaimana diumumkan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Malah peningkatan semula kes positif Covid-19 kepada dua digit di negeri ini sejak semalam (kelmarin)



MUHAMMAD SANUSI



AHMAD SAMSURI

akan dikemas kini dari masa ke masa.

"Justeru, rakyat dinasihatkan untuk terus mematuhi arahan dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini daripada kerajaan negeri dan MKN," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow meminta rakyat di negeri itu menerima pelaksanaan PKPB.

Menurutnya, rakyat diminta bertenang berikutan PKPB tidak begitu ketat berbanding Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada Mac lalu.

"Keputusan telah dibuat berdasarkan fakta. Pulau Pinang perlu menerima hakikat bahawa situasi semasa ini memang memerlukan pelaksanaan PKPB.

"Bagaimanapun, PKPB tidak begitu ketat berbanding PKP," katanya.

juga turut membimbangkan kita," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar turut meminta rakyat di negeri itu mematuhi SOP yang digariskan sepanjang tempoh penguatkuasaan PKPB.

Menurutnya, garis panduan atau SOP adalah mengikut arahan sedia ada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan akan dikemas kini berdasarkan situasi semasa.

"Penguatkuasaan ini berdasarkan arahan MKN dan

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

1,168 kes penularan dalam negara

Jumlah kes aktif dengan kebolehanjangkitan meningkat kepada 11,666 kes

PUTRAJAYA

Jumlah kes pulih pandemik koronavirus (Covid-19) dalam tempoh 24 jam di negara ini mencatat angka tertinggi setakat ini iaitu 1,029 individu menjadikan kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 27,409 kes.

Kes baharu Covid-19 pula kekal empat angka namun menurun sedikit dengan 1,168 kes sekali gus menyaksikan jumlah kes aktif dengan kebolehanjangkitan kini sebanyak 11,666 kes. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdul-

lah berkata, kesemua kes baharu semalam adalah penularan dalam negara.

"Sabah terus mencatatkan kes baharu tertinggi dengan 616 kes, Selangor (247), Labuan (104), Negeri Sembilan (68), Perak (37) dan Kuala Lumpur (28).

"Sarawak dengan 25 kes, Pulau Pinang (18), Kedah (15), Johor (lima), Terengganu (tiga) dan Melaka (dua)," katanya pada sidang akhbar di Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat tiga lagi kematian baharu akibat Covid-19 menjadikan jumlah keseluruhan kematian ialah 282 kes.

Katanya, semua kes kema-



DR NOOR HISHAM

lian itu melibatkan warga negara yang meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth di Sabah.

